

04/07/2005

MAHATHIR-MAHALEEL

PENGERUSI PROTON JUMPA DR MAHATHIR BERHUBUNG ISU MAHALEEL

PUTRAJAYA, 4 Julai (Bernama) -- Penasihat Proton Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini bertemu dengan pengerusi pengeluar kereta nasional itu Datuk Azlan Hashim berhubung laporan-laporan yang dikaitkan dengan ketua pegawai eksekutif Proton Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff.

"Saya akan berjumpa pengerusi hari ini dan menanyakan padanya apa yang berlaku," katanya kepada pemberita sebelum pertemuan tersebut di Yayasan Kepimpinan Perdana, di sini.

Dr Mahathir berada di luar negara semasa beberapa akhbar utama melaporkan bahawa lembaga Proton telah memberikan Tengku Mahaleel surat tunjuk sebab untuk menjelaskan kenyataannya baru-baru ini yang mengkritik kerajaan berhubung dasar automotif dalam satu temubual dengan akhbar berbahasa Cina, Oriental Daily.

"Saya hanya tahu sedikit daripada akhbar dan semua itu, tetapi saya memerlukan pengesahan. Saya tidak boleh mengulas berdasarkan laporan akhbar kerana kadang-kadang anda semua melaporkan benda yang lain.

"Jadi saya perlu mendapat tahu apakah situasi sebenarnya," kata bekas perdana menteri yang merupakan instrumental dalam penubuhan Proton.

Apabila ditanya sama ada beliau telah membaca temubual yang diberikan oleh Tengku Mahaleel itu, Dr Mahathir berkata: "Saya tak baca suratkhbar Cina tetapi saya baca NST (New Straits Times)."

Akhbar tersebut (NST) menyiarkan petikan yang dimaksudkan oleh Tengku Mahaleel kepada Oriental Daily.

Apabila ditanya pendapatnya mengenai temubual tersebut (berdasarkan kepada laporan NST), beliau berkata: "Itu apa yang suratkhbar kata. Saya tak tahu sama ada beliau berkata demikian (atau tidak)." -- BERNAMA

MAM MAD SD ZK